



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (40)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA ANJUR HARI TERBUKA PUSTAKA IMAGINASI

20 OGOS 2026 - Balai Seni Negara bakal menganjurkan Program Hari Terbuka Pustaka Imajinasi 2026 pada 22 Ogos 2026 (Sabtu), dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang di Balai Seni Negara. Penganjuran ini bertujuan memperkenalkan Pustaka Imajinasi sebagai pusat rujukan dan pengumpulan data pelukis serta sumber berkaitan seni visual, di samping menggalakkan budaya membaca, memperluas pengetahuan serta merangsang pemikiran kritis dan kreativiti masyarakat.

Program ini menampilkan pelbagai pengisian berkaitan seni, pembacaan dan kreativiti, antaranya Pertandingan Bercerita, Pertandingan Deklamasi Puisi dan Sembang Santai Buku, selain ruang jualan dan pameran untuk pengunjung.

Pertandingan Bercerita menggunakan karya seni daripada Koleksi Tetap Balai Seni Negara sebagai asas penceritaan, dengan peserta membina cerita berdasarkan imajinasi, emosi, watak atau mesej daripada karya yang ditetapkan. Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun dan dibahagikan kepada Tahap 1 (7–9 tahun) dan Tahap 2 (10–12 tahun).

Sebanyak 20 karya dipilih sebagai rujukan, terdiri daripada 12 karya daripada *Pameran Perolehan Terkini: Recent Acquisition* di Galeri 2A dan lapan karya daripada *Pameran Cinta Buatan Malaysia 79-89* di Galeri Tun Razak. Pemilihan karya ini memberi peluang kepada peserta meneroka seni melalui penceritaan serta mengembangkan imajinasi dan kreativiti berdasarkan tafsiran masing-masing.

Pertandingan Deklamasi Puisi terbuka kepada peserta berumur 13 tahun ke atas dengan tema “Seni, Imajinasi dan Kemanusiaan”. Peserta dikehendaki memilih dan mendeklamasikan puisi daripada penerbitan *Koleksi Puisi: 55 Koleksi 55 Penulis 55 Puisi* terbitan Balai Seni Negara.

Sementara itu, Sembang Santai Buku memberi tumpuan kepada buku sebagai sumber ilmu, inspirasi dan rujukan dalam memperkaya apresiasi seni, sejarah dan budaya. Sesi ini menampilkan kupasan novel *Hidup Berjuang* karya Mohamed

Salehuddin yang merakam pengalaman masyarakat ketika zaman Perang Dunia Kedua, di samping mengetengahkan hubungan antara karya sastera, sejarah dan pemikiran kreatif.

Sepanjang program, pengunjung turut berpeluang mendapatkan perkhidmatan pendaftaran dan kemas kini biodata artis, pendaftaran keahlian NAG Friends serta khidmat nasihat mengenai Tabung Bantuan Seni (TBS), selain mengunjungi reruai jualan yang disediakan.

Balai Seni Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor melalui Selangor Fruit Valley, Dermally Malaysia, Gardenia Malaysia, iGroup Malaysia melalui Access Dunia Sdn. Bhd., serta Lemonjar Software Media Sdn. Bhd. dan Wonderbuuk melalui Edge Tech Engineering atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sebagai rakan penaja Hari Terbuka Pustaka Imaginasi 2026.

Melalui penganjuran ini, Balai Seni Negara terus memperkukuh peranan Pustaka Imaginasi sebagai pusat rujukan dan pembelajaran seni visual yang menyediakan akses kepada sumber ilmu, di samping membuka peluang kepada masyarakat, khususnya generasi muda, untuk mengembangkan pengetahuan, kreativiti dan apresiasi terhadap seni.

Orang ramai dijemput hadir ke Hari Terbuka Pustaka Imaginasi 2026 pada 22 Ogos 2026, dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang di Balai Seni Negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my